

BAB II

RIWAYAT HIDUP ZAYD IBN THĀBIT AL-ANSĀRĪ

## BAB II

### RIWAYAT HIDUP ZAYD IBN THĀBIT AL-ANSĀRĪ

Zayd Ibn Thābit al-Ansārī adalah seorang tokoh Islam yang banyak memberi sumbangan tenaga bagi menegakkan Islam. Perjuangannya berkisar di sekitar zaman Rasulullah (s.a.w.), para sahabat dan tabi'in.

#### 2.1 Latarbelakang Keturunan.

Nama penuh beliau ialah Zayd Ibn Thābit Ibn Dhahak Ibn Lawzan Ibn ‘Amr Ibn ‘Abd ‘Awf Ibn Mālik al-Ansārī al-Najāri. Ibunya bernama al-Nawar Bint Malek Ibn Mu‘awiyah Ibn ‘Adiyy Ibn ‘Amir Ibn Ghann Ibn ‘Adiyy Ibn al-Najāri. Zayd terkenal dengan gelaran Abu Sa‘id, Abu Khārijah, Abu ‘Abd al-Rahmān.<sup>45</sup> Beliau terkenal di kalangan para sahabat dengan dengan gelaran Abu Thābit.<sup>46</sup>

Zayd dilahirkan di Madinah dan dibesarkan di Mekah.<sup>47</sup> Beliau ber-

<sup>45</sup> Al-‘Asqalani, Ahmad Ibn ‘Ali Ibn Muhammad, Al-Isābah Fi Tamyīz al-Sāhabah, j. i, (Kaherah: al-Maktabah al-Tijāriah, 1939 M./ 1358 H.), m.s.532

<sup>46</sup> Ibid, m.s. 543.

<sup>47</sup> Al-Zarikli, Khayruddin, Al-A‘lam, j. iii, (Beirut: Dār al-‘Ilm lil Ma‘lūyin, t.t.), m.s. 57.

asal dari suku Khazraj, dari kalangan kaum Anṣar.<sup>48</sup> Ayahnya meninggal dunia ketika beliau berusia enam tahun, iaitu sewaktu berlakunya perpeperangan antara suku. Perperangan tersebut dikenali dengan hari "Yaumi Bu-<sup>49</sup>Bath" dan berlaku lima tahun sebelum Islam tersibar ke Madinah.

## 2.2 Memeluk Islam .

Sejak kecil lagi Zayd tertarik kepada Islam. Ketika beliau berusia sebelas tahun, beliau telah menghadiri perhimpunan yang diadakan oleh Mus'ab Ibn Umayr. Mus'ab adalah seorang mubaligh Islam yang diutus ke Madinah bagi menyibarkan agama Islam dengan lebih meluas. Zayd begitu tertarik dengan ayat-ayat al-Qur'an yang telah dibacakan oleh Mus'ab.<sup>50</sup>

Ketika Rasulullah (s.a.w.) berhijrah ke Madinah, ibu Zayd telah membawanya berjumpa dengan baginda. Sebenarnya terlah menjadi kebiasaan bagi orang Arab ketika itu membawa anak-anak mereka berjumpa dengan Rasulullah untuk mendapatkan berkat baginda.<sup>51</sup> Zayd telah menghafaz al-

<sup>48</sup> Adam Saleh, Para Sahabat Nabi , cet. i, (Jakarta: Sinar Hudaya, 1974), m.s. 11.

<sup>49</sup> Abi Zakariya Mahyuddin Sharif al-Nawawi, Tadhib al-Asma' wal-Lughāt , j. i, (Mesir: Al-Munīriyah, t.t.), m.s. 201. cf. Muhammad Thābit al-Fandi dkk, Da'irah al-Ma'ārif al-Islamiyah , (Tangerang: Jahan, t.t.), m.s. 9.

<sup>50</sup> Adam Saleh, op. cit., m.s. 12.

<sup>51</sup> Mohammad Zakariyya, Kesah-kesah Para Sahabat Nabi r.a. , j.ii, (Malaysia: Dewan Pakistan, ), m.s. 171.

Qur'an sebanyak lapan juz dan boleh membaca ayat-ayat al-Qur'an dengan baik serta penuh keyakinan terhadap apa yang dibaca. Beliau berjaya menarik perhatian pendengar dan menyedarkan mereka tentang kebesaran Allah (s.w.t.). Keadaan ini mengharukan Rasulullah (s.a.w.) kerana mengenangkan Islam baru sahaja tersibar ke kota Madinah, sedangkan Zayd berjaya menghayatinya.<sup>52</sup> Kenyataan ini digambarkan oleh Zayd melalui teks ucapannya:

"Apabila saya dibawa berjumpa dengan Rasulullah (s.a.w.) baginda telah diberitahu bahawa saya sehingga itu telah menghafaz sebanyak tujuh belas surah dari al-Qur'an dan demi untuk menguji saya baginda telah menyuruh saya membaca sebahagian daripada surah-surah tersebut. Saya telah membaca surah Qaf. Baginda menunjukkan rasa puas hati terhadap pembacaan itu."<sup>53</sup>

### 2.3 Sifat-sifat Keistimewaan .

Zayd mempunyai ciri-ciri keperibadian yang terpuji. Beliau adalah salah seorang penghafaz al-Qur'an, penulis wahyu, menyaksikan pembentangan terakhir ketika ayat al-Qur'an diturunkan untuk kali terakhir kepada Nabi Muhammad (s.a.w.), wara, amanah, berakhhlak mulia, istiqamah terhadap agama, cerdik dan pintar.<sup>54</sup> Ciri-ciri tersebut menjadikannya

<sup>52</sup> Adam Saleh, op. cit., m.s. 13.

<sup>53</sup> Mohammad Zakariyya, op. cit., m.s. 171.

<sup>54</sup> Al-Sabuni, Muhammad 'Ali, Al-Tibyan Fi 'Ulum al-Qur'an, (Meikah al-Mukarramah, t.t.), m.s. 52

seorang yang berkaliber dan menjadi tumpuan masyarakat di zamannya.

Beliau berjaya mempelajari bahasa-bahasa asing dalam jangkamasa yang singkat dan dapat menguasainya dengan baik. Sewaktu berusia enam belas tahun, Nabi Muhammad (s.a.w.) telah memilih beliau untuk mempelajari bahasa Ibrani. Setelah itu beginda menyuruhnya pula mempelajari bahasa Serani. Kebolehannya menguasai kedua-dua bahasa ini memudahkan beliau mempelajari kitab Injil, perjanjian lama dan baru. Beliau menjadi pakar dalam ilmu injil.<sup>55</sup>

Zayd diakui sebagai seorang sarjana, alim dan mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam, pandangan yang sangat luas mengenai kaedah Islam. Beliau menjadi ketua dalam bidang kehakiman, fatwa, farāid dan bacaan ( القراءة ).<sup>56</sup> Disebabkan kelebihan-kelebihan yang ada padanya mengatasi yang lain, beliau menjadi tempat rujukan para sahabat ketika itu.

---

<sup>55</sup> Adam Saleh, op. cit., m.s. 17.

<sup>56</sup> Khalid Muhammad Khālid, Rijal Haula al-Rasul, (Kaherah: Dār al-Kutub al-Ḥadīthah, 1388 H. / 1968 M.), m.s. 542.  
cf. Abu Bakr Jabir al-Jazā'iri, Al-Ilm wal-'Ulama, (Kaherah: Dār al-Kutub al-Salafiyah, t.t.), m.s. 211.  
cf. Al-Zahabi, Abu 'Abd Allah Shamsuddin, Kitab tazkirah al-Hufāz, j.i, cet. i, (Beirut: Dār Ihya' al-Turath al-'Arabi, t.t.), m.s. 32.  
cf. Dr. Farid Muhammad Wāṣil, op. cit., m.s. 133.

## 2.4 Sumbangan.

Dalam usaha meninggikan syiar Islam yang mulia ini, Zayd menyumbangkan saham yang banyak dengan mengorbankan usaha dan tenaga serta melibatkan diri dalam berbagai-bagai medan perjuangan. Di sini akan penulis bahagikan kepada beberapa bahagian untuk memudahkan penelitian dan pemahaman terhadap perbincangan.

### i- Zaman Rasulullah (s.a.w.).

Kemahiran Zayd dalam berbagai bahasa memberi manfaat yang besar kepada perjuangan Islam. Rasulullah (s.a.w.) telah memberi kepercayaan kepadanya untuk menjadi pembantu baginda sewaktu menulis surat kepada orang-orang Yahudi di luar Madinah. Sebelum itu baginda menggunakan perkhidmatan orang-orang Yahudi tempatan. Menyedari betapa pentingnya orang Islam sendiri melakukan tugas tersebut, baginda menyuruh Zayd mempelajari bahasa asing untuk kemudahan berurusan dengan mereka.

Rasulullah telah melantik Zayd sebagai setiausaha kepada baginda. Zayd ditugaskan untuk membantunya melakukan hubungan diplomatik dengan negara-negara asing. Keadaan ini membolehkan Islam tersibar dengan meluas ke luar Madinah. Tugasnya sebagai setiausaha itu kekal sehingga pemerintahan Khulafa al-Rasyidin iaitu Khalifah Abu Bakar r.a., Khalifah Umar r.a. dan Khalifah Osman bin Affan r.a. Oleh kerana tugas yang di-

pegangnya semakin bertambah rumit lebih-lebih lagi Islam tersibar semakin meluas, beliau terpaksa menggunakan seorang pembantu bagi menolongnya melakukan urusan surat menyurat dengan negara luar.

Selain daripada setiausaha, beliau juga diamanahkan oleh Rasul-Allah untuk menulis wahyu dan menggumpul al-Qur'an. Baginda telah melantik Zayd, di samping Khulafa al-Rasyidin, Mu'awiyah, Ubai Ibn Ka'b, Khalid Ibn al-Walid dan Thabit Ibn Qais untuk menulis ayat-ayat yang diturunkan kepada baginda.<sup>56</sup>

Zayd bukan sahaja mempunyai kemampuan yang besar dalam bidang al-Qur'an (penghayatan al-Qur'an) tetapi beliau juga mempunyai semangat dalam bidang perjuangan. Ketika berlakunya peperangan Badar, beliau ingin berjuang bersama-sama dengan pejuang-pejuang Islam yang lain. Nabi Muhammad (s.a.w.) tidak mengizinkannya dengan alasan ketika itu beliau masih belum dewasa. Semangat kepahlawanan yang ditunjukkan oleh Zayd sejak kecil ini berkekalan sehingga dewasa.

Zayd tidak putus asa walaupun permintaannya itu ditolak, beliau meminta kebenaran sekali lagi dari Rasulullah untuk menyertai peperangan Uhud. Beliau dan sahabat-sahabatnya masih tidak dibenarkan menyer-

---

<sup>57</sup> Subhi al-Saleh, Mabāhith Fi 'Ulūm al-Qur'an, (Beirut: Dar al-'Ilm al-Malayin, t.t.), m.s. 69.

tainya dengan alasan yang sama tetapi Rasulullah berjanji akan mengizinkannya dalam peperangan akan datang.

Ketika berlaku peperangan Khandak, beliau berjaya melibatkan diri dan dikira sebagai mujahid Islam. Ini merupakan kali pertama beliau melibatkan diri dan menyertai sepenuhnya dalam peperangan. Ketika itu dia berusia enam belas tahun. Dalam peperangan ini Zayd menyumbangkan baktinya dengan menolong membuat benteng pertahanan. Beliau mendapat pujian dan sanjungan dari Rasulullah melihat kepada karajinan dan kesungguhan-nya.<sup>58</sup>

Memandangkan Zayd banyak mempunyai kelebihan dalam berbagai-bagai bidang, Rasulullah juga memberi penghargaan yang besar iaitu ketika berlakunya peperangan Tabuk. Menurut riwayat, pemegang panji di dalam peperangan itu ialah ‘Amārah dari kesatuan Bani Najar. Rasulullah mengambil panji dari tangan ‘Amārah (‘Amārah Ibn Hazm) dan memberikannya kepada Zayd.<sup>59</sup> Begitulah keadaan Zayd yang mempunyai banyak kelebihan sehingga Rasulullah sendiri kagum dengannya.

<sup>58</sup> Izzuddin Ibn al-Athīr, Uṣd al-Gbāḥah Fi Ma’rifah al-Sahābah, jil. ii, (Kaherah: Dār al-Sha’b, c.t.), m.s. 278.

<sup>59</sup> Abu Bakr Jābir, op. cit., m.s. 209.

ii- Zaman para sahabat dan tabi'in.

Setelah Rasulullah (s.a.w.) wafat, Zayd menjadi tempat rujukan di kalangan sahabat dan masyarakat Islam ketika itu berhubung dengan al-Qur'an. Beliau adalah ketua di dalam pengumpulan al-Qur'an pada masa pemerintahan Sayyidina Abu Bakar serta menjadi ketua penyusun mashaf di zaman pemerintahan Sayyidina Osman bin Affan. Pengumpulan al-Qur'an bukan sahaja bermakna menggumpul ayat-ayat sahaja tetapi juga merangkumi menghafaznya, mengasingkan surah-surah atau ayat-ayat, atau menyusun ayat-ayat sahaja mengikut surah-surah.<sup>60</sup>

Beliau terdiri dari kalangan penghafaz yang terkenal di samping para sahabat yang lain seperti Ali bin Abi Talib, Osman bin Affan, Ubai bin Kaab dan Mu'awiyah. Beliau dan Mu'awiyah adalah penghafaz yang ban-

yak menulis dalam bentuk naskah.<sup>61</sup>

Pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar, beliau memberi kepercayaan kepada Zayd untuk menggumpul al-Qur'an. Ini adalah kerana didorong oleh perasaan takutnya ayat-ayat al-Qur'an akan hilang atau musnah.

<sup>60</sup> Ahmad Muhammad 'Ali Daud, 'Ulum al-Qur'an wal-Hadith, (Oman: Dar al-Bashir, t.t.), m.s. 46.

<sup>61</sup> Al-Qur'an Dan Terjemahannya, (Jakarta: Dept. Republik Indonesia, t.t.) m.s. 22.

Setelah kewafatan Rasulullah (s.a.w.), agama Islam belum begitu mantap di dalam jiwa orang-orang Islam. Ramai di kalangan mereka keluar dari agama Islam yang dikenali dengan "Murtad".

Pada 12 Hijrah berlaku perperangan di Yamamah yang dipimpin oleh Musailamah al-Kazzab. Musailamah cuba mempengaruhi masyarakat dan mengaku menjadi nabi. Dalam perperangan tersebut ramai di kalangan para sahabat atau penghafaz al-Qur'an mati syahid. Bilangan mereka yang terkorban ialah seramai tujuh puluh orang.<sup>62</sup>

Zayd dipilih menjadi ketua dalam kerja-kerja mengumpul al-Qur'an tersebut. Dalam usaha mengumpul al-Qur'an, beliau melakukannya dengan teliti. Walaupun beliau menghafaznya tetapi untuk kepentingan umat Islam seluruhnya, beliau masih melihat kepada hafalan-hafalan serta catatan para sahabat yang lain. Beliau melakukannya dengan teliti dan disaksikan oleh dua orang saksi.<sup>63</sup>

Ayat-ayat al-Qur'an yang telah dikumpul itu diikat dan disusun menurut urutan ayat-ayat sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Rasul Allah (s.a.w.). Kemudiannya diserahkan kepada Khalifah Abu Bakar r.a.

<sup>62</sup> Ibid, m.s. 23.

<sup>63</sup> Ahmad Hussin, Muhammad Rasulullah Nabi al-Insani, cet. i, (Kahorah:Dār al-Shuruq, 1400 H. / 1980 M.), m.s. 144.

sehingga beliau meninggal dunia, kemudiannya disimpan oleh Khalifah Umar.

Apabila Khalifah Umar meninggal dunia, mushaf tersebut dipindahkan pula ke rumah Hafsa. Ia kekal di sana sehingga pengumpulan al-Qur'an dan penyusunannya di zaman Khalifah Osman.

Pada masa pemerintahan Sayyiduna Osman bin Affan, berlaku perselisihan tentang pembacaan ayat-ayat al-Qur'an. Beliau meminta jasa baik daripada Zayd mengumpul al-Qur'an kerana takut perselisihan antara orang Islam berterusan. Perselisihan bacaan ini berpunca dari perluasan kuasa dan penyibaran agama Islam yang semakin meluas di zaman Nabi (s.a.w.), serta para sahabat selepasnya.

Menurut catatan sejarah, pada awal pemerintahan Khalifah Abu Bakar terjadi pemberontakan Riddah iaitu di bawah pimpinan Musailamah al-Kazzab. Abu Bakar r.a. dapat mententeramkan keadaan tersebut dan dia meneruskan penyibaran Islam ke negeri-negeri berdekatan. Tentera Islam memasuki kota Hirah, Anbar iaitu di Mesopotamia hingga ke sungai Yarmuk di Syria.

Pada masa Khalifah Umarmemegang tumpuk pemerintahan, kaum muslimin telah memasuki Bactrine berhampiran dengan sungai Ayax di sebelah timur dan Mesir di sebelah barat. Ketika Khalifah Osman bin Affan megang jawatan khalifah, kekuasaannya meluas sehingga ke Armenia di se-

belah timur dan Tripoli di sebelah barat. Kaum muslimin tersibar semakin meluas iaitu di Mesir, Syria, Irak, Parsi dan Afrika.<sup>64</sup>

Perluasan kuasa ini memberi kesan yang besar kepada penyibaran al-Qur'an sendiri kerana ia dijadikan asas dan panduan dalam kehidupan dan penyibaran agama Islam. Amir-amir yang dilantik ke negeri yang baru dibuka membawa al-Qur'an dan membacanya mengikut bacaan masing-masing berdasarkan lajhah mereka.

Seorang sahabat yang bernama Hudzaifah Ibn al-Yaman telah datang mengadap Khalifah Osman r.a. dan menjelaskan perlunya menyatukan mashaf kerana lajhah yang berlainan itu. Sayyiduna Osman mengambil lembaran lembaran al-Qur'an yang disimpan di rumah Hafrah untuk disalin semula. Beliau membentuk penyelaras yang terdiri daripada Zayd Ibn Thabit, Sa'id Ibn 'Ash, Abdullah Ibn Zubair dan 'Abd al-Rahman Ibn Harith Ibn Sham. Di kalangan mereka Zayd dilantik sebagai ketua penyelaras.<sup>65</sup>

Perkhidmatannya dalam bidang pemerintahan.

Zayd bukan sahaja terkenal dalam bidang pengumpulan al-Qur'an, ma-

<sup>64</sup> Al-Qur'an Dan Terjemahannya, op. cit., m.s. 24.

<sup>65</sup> Khalid Muhammad Khalid, Karakteristik Perihidup Enam Puluh Sahabat Rasulullah, terj. Syaf dkk, cet. ii, (Bandung: CV Diponegoro, 1983), m.s. 457.

lah beliau juga masyhur dalam bidang pemerintahan. Khalifah Umar r.a. telah melantik Zayd sebagai ketua kehakiman kerana beliau mempunyai sifat dan keperibadian yang mulia seperti alim, adil, jujur, taqwa, serta bijaksana. Perlantikan ini amat sesuai kerana ia bertepatan dan memenuhi syarat-syarat jabatan kehakiman iaitu alim, jujur, taqwa dan berhemah tinggi.

Pada zaman pemerintahan Khalifah Umar r.a., negara Islam semakin meluas. Ketika itu berlaku kelaparan yang hebat sehingga beliau terpaksa mengimport makanan dan gandum dari luar negeri. Zayd ditugaskan untuk membahagikan makanan tersebut kepada rakyat. Tugasnya dilaksanakan dengan baik iaitu dengan mengadakan pemeriksaan yang teliti ke tempat dan daerah yang diancam kelaparan.

Beliau membuat catatan dan keterangan yang lengkap mengenai ahli keluarga yang memerlukan bantuan. Pembahagian makanan berjalan dengan baik dan beliau menggunakan cop dari khalifah kepada setiap bungkusan yang diberikan. Zayd adalah orang pertama menggunakan sistem Catu dalam pembahagian makanan kepada rakyat.<sup>66</sup>

Ketika Abu Bakar menjadi khalifah, beliau melantik Zayd menjadi

---

<sup>66</sup> Ajam Saleh, op. cit., m.s. 19.

penasihat kepadanya. Jawatan tersebut kekal sehingga kepada pemerintahan Khalifah Umar r.a. Sayyiduna Umar telah memberi kepercayaan yang penuh kepada Zayd sehingga urusan-urusan tertentu diwakilkan kepadanya iaitu ketika terdapatnya urusan lain yang terpaksa diselesaikan. Contohnya, ketika beliau ingin menunaikan fardu haji, Zayd dilantik sebagai penggantinya. Begitu juga dengan Khalifah Osman yang melantik Zayd sebagai penggantinya di Madinah ketika beliau menunaikan fardu haji.<sup>67</sup>

Sewaktu Khalifah Osman memegang tumpuk pemerintahan, Zayd dilantik sebagai ketua kewangan. Beliau menjalankan tugas tersebut dengan baik dan hasilnya sangat memuaskan. Pada akhir pemerintan Khalifah Osman terjadi pemberontakan kaum yang tidak senanghati kepadanya. Zayd cuba memberi sumbangan bakti kepadanya dan berikhtiar menenangkan keadaan yang berlaku. Walaubagaimanapun beliau tidak dapat mengawal api kemarahan yang telah membara dalam jiwa pemberontak-pemberontak tersebut.<sup>68</sup>

Apabila Mu'awiyah memegang jawatan khalifah, beliau memberi penghormatan yang tinggi kepada Zayd. Ini adalah kerana Zayd merupakan seorang yang mahir dan mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai hukum agama. Suatu ketika Zayd datang ke Syria dan bercakap-cakap dengan khalifah Mu'awiyah serta menyelitkan kata-kata Rasulullah. Mu'awiyah telah

<sup>67</sup> Al-'Asqalani, Ahmad Ibn 'Ali Ibn Muhammad, op. cit., m.s. 533.

<sup>68</sup> Adam Saleh, op. cit., m.s. 28.

memerintahkan setiausaha supaya mencatat kata-kata tersebut tetapi dilarang oleh Zayd.<sup>69</sup>

Kedaaan ini jelas menunjukkan bahawa beliau seorang yang tegas, amat berpegang dengan dasar-dasar Islam yang suci. Beliau tidak menghiraukan sama ada di hadapan pembesar dan sebagainya, hukum Islam mesti ditegakkan. Pada masa pemerintahan Marwan, beliau menjadi Gabenor di Madinah. Beliau telah memberi teguran kepada Khalifah agar tidak membaca ayat-ayat yang pendek sahaja di dalam sembahyang fardu subuh. Ini adalah kerana menurut beliau Rasulullah (s.a.w.) membaca ayat-ayat yang panjang ketika sembahyang subuh.<sup>70</sup>

## 2.5 Kewafatan.

Sumbangan bakti yang diberikan oleh Zayd tidak dapat dihitung sepenuhnya. Beliau telah memberi saham yang tidak termilai oleh kaum Muslimin dewasa ini memandangkan perkhidmatan yang diberikan bermula zaman Rasulullah (s.a.w.), Zaman Khulafa al-Rasyidin, Khalifah Mu'awiyah dan zaman pemerintahan Marwan. Jika meneliti kembali sejarah di zaman selepas kewafatan Rasulullah (s.a.w.), terdapat perselisihan mengenai per-

---

<sup>69</sup> Ibid, m.s. 31.

<sup>70</sup> Ibid.

lantikan khalifah. Pemimpin-pemimpin di Madinah berkumpul untuk melantik khalifah di kalangan masing-masing. Kaum Ansar melantik Ibn Sa'id Ibn 'Ubada dan kaum Muhaqiqin melantik Abu Bakar al-Siddiq.

Sayyiduna Umar berpidato dan menekankan calon yang paling layak ialah sayyiduna Abu Bakar. Walaupun usul tersebut mendapat bantahan, tetapi akhirnya dapat diselesaikan. Zayd dengan beranidotang ke hadapan orangramai dan menyokong usul yang dikemukakan oleh Sayyiduna Umar, sedangkan beliau dari kalangan kaum Ansar. Sayyiduna memberi bay'ah dan diikuti oleh Zayd.<sup>71</sup>

Zayd meninggal dunia pada tahun 45 Hijrah. Ahli sejarah berselisih pendapat mengenai kewafatan beliau. Ada di kalangan mereka mengatakan beliau meninggal dunia pada tahun 42 Hijrah, ada yang mengatakan 43 hijrah dan sebahagian lagi mengatakan 45 Hijrah. Begitu juga sebahagian dari mereka mengatakan beliau meninggal dunia pada tahun 51 Hijrah, 52 Hijrah dan 55 Hijrah. Kebanyakan pendapat mengatakan beliau wafat pada tahun 45 Hijrah.<sup>72</sup>

Beliau meriwayatkan hadīth sebanyak sembilan puluh dua hadīth.<sup>73</sup>

<sup>71</sup> Ibid, m.s. 28.

<sup>72</sup> Al-'Asqalāni, Ahmad Ibn 'Ali Ibn Muhammad, op. cit., m.s. 533.

<sup>73</sup> Al-Zarikli, op. cit., m.s. 57.